

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan menjelaskan teknologi data *analytic* yang digunakan oleh MOTAC untuk melihat dan mengkaji trend pergerakan pelancongan tempatan bagi membantu pengusaha pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pada masa ini, statistik rasmi pelancongan antarabangsa di Malaysia dijana melalui data pentadbiran yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan melalui survei yang dilakukan oleh Tourism Malaysia. Pada masa yang sama, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DSOM) bagi menghasilkan statistik tahunan berkaitan pelancongan domestik di Malaysia bagi melaporkan perangkaan utama mengenai pelawat domestik, perjalanan serta profil sosial dan demografi.
2. Di samping itu, Kementerian juga merujuk data sekunder daripada pelbagai sumber seperti data *trend* penerbangan dan pelancongan semasa

NO. SOALAN : 23

serta data penginapan bagi menambah nilai dan kredibiliti ke atas proses analisis *trend* semasa dan unjuran pelancong di Malaysia.

3. Sungguhpun begitu, MOTAC percaya bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan terutamanya data melibatkan pergerakan pelancong di dalam negara dan destinasi yang ditujui. Bagi tujuan ini, MOTAC merancang untuk membangunkan Repositori Data Bersepadu menerusi pelaksanaan tiga (3) inisiatif utama iaitu:

- (i) menerokai penggunaan data lokasi menerusi pergerakan rangkaian telekomunikasi bagi mengukur pergerakan pelawat domestik dan antarabangsa dalam negara;
- (ii) kolaborasi bersama pelbagai agensi secara intensif bagi pengumpulan data penginapan secara berkala; dan
- (iii) pembangunan platform tempahan dalam talian secara menyeluruh yang meliputi kesemua produk pelancongan dalam negara.

4. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk membantu MOTAC dalam pengumpulan dan penyelarasan data yang lebih menyeluruh serta secara "*real-time*" bagi tujuan analisis *trend* dan pasaran yang lebih tepat dan berkesan. Pembangunan Repositori Data Bersepadu ini perlu diselaraskan dengan penglibatan dan komitmen daripada agensi-agensi utama Kerajaan seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.